



Original Article

**Parameter (*Dawabit*) Dalam Ucapan Doa Terhadap Non-Muslim**

***Parameter (*Dawabit*) In The Prosecution Of Pray for Non-Muslim***

**Khairul Azhar Meerangani<sup>a\*</sup>, Rushdi Ramli<sup>b</sup>, Syamsul Azizul Marinsah<sup>b</sup> & Muhammad Ikhlas Rosele<sup>b</sup>**

<sup>a</sup> Department of Syariah, Academy of Islamic Studies, University College of Islam Malacca, Malaysia

<sup>b</sup> Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Malaysia

\* Corresponding author, email: khairulazhar@kuim.edu.my

---

**ABSTRACT**

The diversity of Malaysian's people creates cross-cultural and religious relationship. Interactions that occur in daily life reveal Muslim societies with various issues that require specialized guidance and assessment based on the perspective of Islamic law. Among polemics that often cause confusion among Muslims is the legal issue of praying for non-Muslims. This issue will often lead to annoyance especially to Muslims who have intimate relationships with non-Muslims. Therefore, this study aims to examine and analyze the law (*hukm*) of praying for non-Muslims in the current context in Malaysia according to Islamic perspective. The views of Muslim scholars on this issue are analyzed descriptively in producing a parameter (*dawābit*) to guide the Muslim and non-Muslim relations. In summary, there are legal differences in the issue of praying for non-Muslims who are still alive and who have died. This distinction needs to be given attention by every Muslim to ensure that every word of prayer that comes out is still within the bounds of syarak.

**Keywords:** Prayer, Non-Muslims, Inter-Religion, parameter, Islamic law

---

**Pengenalan**

Kewujudan manusia berlatarkan agama dan budaya yang pelbagai merupakan salah satu daripada program unik ciptaan Allah. Matlamat utama daripada penciptaan ini selain mewujudkan ketaatan yang tidak berbelah bahagi kepada Allah, juga membolehkan mereka saling mengenali, memahami dan mengambil manfaat yang terbit daripada perbezaan tersebut. Manusia secara fitrahnya memerlukan kepada interaksi dengan persekitaran sebagai suatu bentuk kehidupan manusia itu sendiri. Keserasian fitrah ini wujud kerana manusia sebenarnya berasal daripada unsur yang sama sebelum berlakunya pemisahan dalam aspek geografi, politik,

kaum dan agama.<sup>1</sup> Pemisahan ini pula memandu kepada kepelbagaiannya yang dilihat mewarnai lagi hubungan yang terbina sesama manusia. Di Malaysia, kemajmukan masyarakat yang wujud menyaksikan interaksi itu berlaku secara lebih meluas merentasi sempadan kaum dan agama. Maka, pengurusan interaksi secara berkesan merupakan antara elemen yang perlu diberikan perhatian yang rapi bagi memastikan hubungan yang terjalin itu menatihahkan perpaduan dan keharmonian dan bukannya perpecahan serta permusuhan.<sup>2</sup> Islam telah menyediakan beberapa asas panduan bersifat universal yang dirasakan penting dalam memandu hubungan dan interaksi yang berlaku sesama penganut berlainan agama. Nilai-nilai yang dinyatakan ini penting dalam membina hubungan persaudaraan sesama manusia (*al-Ukuwwah al-Insāniyyah*) bagi memastikan kelangsungan hidup mereka di dunia ini sebagai umat dan masyarakat yang bertamadun.<sup>3</sup>

Islam telah menekankan kepentingan memelihara dan menghormati hubungan sesama manusia bagi membina kestabilan dan keharmonian dalam sesebuah negara melangkaui perbezaan tradisi, agama dan ideologi.<sup>4</sup> Secara asasnya, pembentukan hubungan sesama manusia ini didasarkan kepada dua elemen utama iaitu secara teologis (keagamaan) dan sosiologis (kemanusiaan). Hubungan secara teologis ini bersifat eksklusif yang hanya membabitkan penganut intra-agama manakala hubungan secara sosiologis pula bersifat inklusif yang lebih terbuka membabitkan semua lapisan manusia merentasi perbezaan agama dan bangsa.<sup>5</sup> Rasulullah SAW pernah bangun berdiri memberikan penghormatan kepada satu jenazah Yahudi yang dibawa melintas di hadapan Baginda.<sup>6</sup> Meskipun sedia maklum betapa buruknya permusuhan yang telah dipamerkan oleh bangsa Yahudi terhadap Rasulullah SAW dan umat Islam, namun sewaktu dimaklumkan tentang status jenazah tersebut, Baginda tidak mempamerkan sebarang rasa penyesalan sebaliknya mempertahankan tindakannya atas dasar penghormatan terhadap sesama insan.<sup>7</sup> Dalam konteks semasa di Malaysia, interaksi yang berlaku dalam kalangan masyarakat tidak terhad kepada hubungan sesama Muslim sahaja bahkan turut membabitkan hubungan kekerabatan dan persahabatan antara Muslim dan non-Muslim. Maka, sudah pasti interaksi ini mendedahkan mereka dengan beberapa isu yang memerlukan kepada penilaian menurut perspektif hukum bagi memastikan hubungan tersebut mematuhi prinsip Islam.

Isu ucapan doa terhadap golongan non-Muslim merupakan antara polemik yang sering menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia. Kedudukan mereka yang mempunyai hubungan yang akrab dengan sebahagian non-Muslim ada kalanya mewujudkan perasaan serba salah terutamanya apabila saudara non-Muslim mereka diuji dengan sesuatu musibah namun mereka pula dibatasi dengan pematuhan kepada prinsip Islam.

<sup>1</sup> Khairul Azhar Meerangani, "Isu Semasa Terhadap Hubungan Sosial dengan Non-Muslim di Malaysia daripada Perspektif Hukum Islam", (Tesis Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2016), 232.

<sup>2</sup> Nur Farhana Abdul Rahman, "Pemahaman Konsep Tauhid Asas Keharmonian Kepelbagaiannya Agama" *International Journal of Islamic Thought*, 1 (2012), 36.

<sup>3</sup> Ismā'īl bin Kathīr, *Tafsīr al-Qur'an al-Āzīm* (Riyāḍ: Dār al-Tayyibah, 1997), 5:97.

<sup>4</sup> Khairul Azhar Meerangani, "Isu Semasa Terhadap Hubungan Sosial dengan Non-Muslim", 247

<sup>5</sup> Aunur Rafiq, "Perdamaian Menurut Perspektif al-Quran: Analisis Tentang Hubungannya dengan Piagam Madinah", (Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009), 173.

<sup>6</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Janā'iz, Bāb Man Qāma Li Janāzah Yahūdī, no. hadis: 1312. Lihat Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dar Ibnu Kathir, 2002), 317.

<sup>7</sup> Rāghib al-Sirjānī, *Fann al-Ta'āmul al-Nabawī Ma'a Ghayr al-Muślimīn*, (Qahirah: Dār Aqlam, 2010), 70.

yang mementingkan keluhuran akidah sehingga mengehadkan reaksi yang ingin disampaikan. Beberapa isu dilihat pernah tercetus membabitkan ucapan doa kepada golongan non-Muslim antaranya sewaktu kematian salah seorang veteran politik negara iaitu mendiang Karpal Singh yang terbabit dengan nahas kemalangan jalan raya di Perak pada 17 April 2014.<sup>8</sup> Kontroversi bermula apabila sebahagian daripada umat Islam menggunakan ucapan “God Bless You” bagi menzahirkan rasa simpati terhadap mendiang sehingga mengundang teguran daripada pihak Majlis Fatwa Kebangsaan yang mengingatkan umat Islam yang terlibat supaya berhati-berhati dengan ucapan tersebut yang mempunyai implikasi dari sudut akidah.<sup>9</sup> Begitu juga dengan isu yang berlaku membabitkan khatib Masjid Kubang Buaya Bagan, Zakaria Ahmad yang menyertakan nama ketua menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng dalam slot doa sewaktu khutbah solat Jumaat pada 25 Jun 2010. Kontroversi timbul apabila sekumpulan jemaah mengemukakan aduan dan bantahan kepada Jabatan Agama Islam Pulau Pinang berhubung tindakan beliau tersebut. Zakaria menolak dakwaan bahawa beliau cuba menghina Islam sebaliknya doa yang dibacakan menjurus supaya Allah memberikan hidayah kepada Lim Guan Eng agar beliau memeluk Islam.<sup>10</sup> Kedua-dua insiden tersebut mencerminkan kekeliruan yang berpotensi timbul dalam kalangan masyarakat hasil daripada polemik yang berlaku. Maka, perkara ini memerlukan suatu parameter yang khusus dalam menjernihkan kekeliruan tersebut bagi membolehkan umat Islam merealisasikan manifestasi perasaan mereka kepada pihak non-Muslim tanpa perlu melanggar sempadan yang telah ditetapkan oleh Islam.

### Asas Doa Dalam Islam

Islam menetapkan bahawa asas pembinaan hubungan sesama manusia adalah berteraskan perdamaian dan bukannya permusuhan bagi merealisasikan hakikat kemuliaan insan itu sendiri sebagai makhluk ciptaan Allah yang terunggul. Hal ini berdasarkan firman Allah:

Terjemahan: Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu) dan tidak (pula) mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.

(Surah al-Mumtahanah, 60: 8)

Islam merupakan agama yang menekankan keutamaan melaksanakan kebaikan terhadap seluruh manusia tanpa mengira latar agama dan bangsa kerana ia lebih menghampiri ketakwaan kepada Allah. Umat Islam dididik untuk mempromosikan segala perlakuan moral yang terpuji sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat berikut:

Terjemahan: Dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik.

<sup>8</sup> Syukri Syaari, “Karpal Singh Maut Kemalangan”, laman sesawang *Utusan Online*, diakses pada 25 Oktober 2016, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20140417/dn\\_25/Karpal-Sing-maut-kemalangan](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140417/dn_25/Karpal-Sing-maut-kemalangan)

<sup>9</sup> Ana Ghoib, “Islam Tidak Galak Umatnya Ucap ‘Rest in Peace’, Mati Kufur Tiada Keampunan”, laman sesawang *Malaysian Review*, diakses pada 25 Oktober 2016, <https://www.malaysianreview.com/49507/islam-tidak-galak-umatnya-ucap-rest-peace-mati-kufur-tiada-keampunan/>

<sup>10</sup> Azhari Zainoeddin, “Doa Naikkan Imej Guan Eng”, laman sesawang *Utusan Online*, diakses pada 27 Oktober 2016, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/politik/20130705/po\\_06/Doa\\_naikkan\\_imaj\\_Guan-Eng](http://ww1.utusan.com.my/utusan/politik/20130705/po_06/Doa_naikkan_imaj_Guan-Eng).

(Surah al-Baqarah, 2: 83)

Al-Marāghī menjelaskan bahawa usaha untuk memenuhi hak setiap manusia boleh diwujudkan menerusi pergaulan dan perkataan yang baik, menyuruh kepada baik dan mencegah daripada kemungkaran serta segala perbuatan lain yang mendatangkan manfaat di dunia dan akhirat.<sup>11</sup> Doa merupakan perantaraan yang menghubungkan setiap manusia dengan pencipta-Nya. Setiap makhluk diperintahkan untuk memanjatkan segala pengaduan dan permintaan berkaitan urusan dunia mahupun akhirat secara mutlak kepada Allah sebagai tuhan yang mentadbir dan mencipta sekalian alam dan isinya. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan di dalam ayat yang berikut:

Terjemahan: Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahulah mereka) sesungguhnya Aku sentiasa dekat (dengan mereka).  
Aku perkenankan permohonan mereka yang berdoa apabila mereka meminta  
kepada-Ku  
(Surah al-Baqarah, 2:186)

Hamba dalam ayat tersebut merujuk kepada semua manusia sama ada Muslim mahupun non-Muslim. Hal ini dapat difahami berdasarkan sabda Rasulullah SAW menerusi hadis yang berikut:

Terjemahan : Hendaklah kamu berasa takut terhadap doa orang dizalimi meskipun dia seorang kafir kerana sesungguhnya tiada penghalang antara doanya dengan Allah.<sup>12</sup>

Namun begitu, Allah tetap memberi keutamaan dalam urusan pengabulan doa kepada hamba-Nya yang beriman kerana mereka telah meletakkan keyakinan dan kepercayaan kepada Allah pada kedudukan yang sebenar. Dalam isu ini, kontroversi timbul apabila individu Muslim secara sukarelanya menawarkan diri untuk memohon kepada Allah berhubung urusan golongan non-Muslim. Maka, tindakan tersebut akan cuba diperhalusi dengan meninjau status hukum doa buat individu non-Muslim berdasarkan dua aspek iaitu mendoakan mereka yang masih hidup serta yang telah meninggal dunia.

### Mendoakan Non-Muslim Yang Masih Hidup

Bagi golongan non-Muslim yang hidup, terdapat tiga bentuk ucapan doa yang diharuskan kepada mereka iaitu permohonan petunjuk, kebaikan dalam urusan dunia serta pengampunan daripada Allah. Bagi doa berkaitan pemberian petunjuk, para fuqaha' bersepakat atas keharusan perkara ini berdasarkan peristiwa di mana salah seorang sahabat Rasulullah SAW bernama Tufayl bin 'Amru dari Kabilah Bani Daus bersama rakan-rakannya memohon kepada Baginda untuk didoakan keburukan buat kabilah mereka yang telah melampaui batas dalam menentang Islam. Baginda tidak menunaikan permintaan tersebut sebaliknya hanya memohon agar kabilah tersebut dikurniakan petunjuk yang sebenar daripada Allah. Abu Hurairah RA menyatakan:

<sup>11</sup> Ahmad Mustafa al-Maraghi, *Tafsir al-Maraghi* (Qahirah: Maktabah wa Matba'ah Mustafa, 1946) 1/151.

<sup>12</sup> Hadis riwayat Ahmad, no. hadis: 12549. Lihat Ahmad bin Ḥanbal, *Musnad Ahmad* (Riyāḍ: Bait al-Afkār al-Dawliah, 1998), 884.

Terjemahan: (Suatu hari) al-Tufayl dan para sahabatnya datang lalu berkata: "Wahai Rasulullah, kabilah Daus sesungguhnya benar-benar telah kufur dan menolak (dakwah Islam), maka doakanlah keburukan untuk mereka." Maka ada sebahagian yang mengatakan: "Celakalah kabilah Daus". Lalu Baginda bersabda: "Ya Allah, berikanlah hidayah kepada Kabilah Daus, dan datangkanlah mereka (kepadaku).<sup>13</sup>

Ibnu Hajar menyatakan doa tersebut merupakan satu petunjuk yang jelas berkenaan keharusan mendoakan petunjuk buat golongan non-Muslim. Dalam sebahagian keadaan, Rasulullah SAW penah mendoakan keburukan buat pihak non-Muslim yang melakukan kejahatan dan perrusuhan yang nyata dengan umat Islam. Namun dalam situasi yang aman, Baginda mendoakan penurunan hidayah buat mereka bagi mendekati Islam.<sup>14</sup> Selain itu, diharuskan juga bagi individu Muslim mendoakan hidayah buat mana-mana tokoh non-Muslim yang mempunyai potensi yang besar dengan harapan ketokohan individu tersebut dapat dimanfaatkan bagi mengukuhkan ajaran Islam dan kedudukan penganutnya. Hal ini sebagaimana doa yang dipanjatkan oleh Rasulullah SAW memohon agar Islam diperkuatkan dengan pengislaman salah seorang daripada dua tokoh terkemuka masyarakat Musyrikin Makkah ketika itu iaitu Abu Jahal dan Umar dengan lafaz doa yang berikut:

Terjemahan : Ya Allah, Muliakanlah Islam melalui salah seorang daripada dua Umar (Amr bin Hisyam dan Umar al-Khattab) yang Engkau cintai.<sup>15</sup>

Dalam urusan kebaikan kehidupan di dunia pula, individu Muslim turut dibenarkan untuk mendoakan mana-mana golongan non-Muslim sama ada berdasarkan hubungan kekerabatan, persahabatan mahupun atas dasar kemanusiaan semata-mata. Kaum Yahudi di Madinah pernah berusaha memperdayakan Rasulullah SAW dengan berpura-pura bersin di hadapan Baginda dengan harapan Baginda akan mendoakan agar mereka beroleh rahmat daripada Allah. Rasulullah SAW menyedari tentang niat tersembunyi golongan ini lalu mendoakan penurunan hidayah buat mereka serta perbaikan kehidupan mereka dalam urusan dunia. Abu Musa al'Asy'ari menyatakan:

Terjemahan: Dahulu golongan Yahudi biasa berpura-pura bersin berhampiran Nabi SAW dan berharap Baginda akan mengucapkan doa "Semoga Allah merahmati kamu' untuk mereka. Namun Baginda telah berdoa "Semoga Allah memberi hidayah kepada kamu dan memperbaiki keadaan kamu".<sup>16</sup>

Menurut al-Mubārkfūrī, kebaikan dalam urusan dunia tersebut merujuk kepada pembersihan hati golongan tersebut yang terkenal dengan penyakit hati mereka yang kritikal.

<sup>13</sup> Hadis riwayat Bukhārī, Kitāb al-Jihād wa al-Siyar, Bāb al-Duā' li al-Musyrikīn bi al-Hudā li Yata'allafahum, no. hadis: 2937. Lihat Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, 724.

<sup>14</sup> Ahmad bin 'Alī bin Ḥajar al-'Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī* (Riyāḍ: Maktabah al-Malik Fahd al-Watṭīyyah, 2001), 6:126.

<sup>15</sup> Hadis riwayat Tirmidhi, Kitāb al-Manāqib, Bab fi Manāqib Abī Hafs 'Umar bin al-Khattāb Radiyallahu 'Anhu, no. hadith: 3681. Lihat Muḥammad bin 'Isā bin Šūrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif, t.t), 835.

<sup>16</sup> Hadis riwayat Tirmidhī, Kitāb al-Adab, Bāb Mā Jā'a Kayfa Tasymīt al-'Aṭīs, no. hadis: 2739. Lihat Muḥammad bin 'Isā bin Šūrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 616.

Maka, pemulihan unsur dalaman tersebut diharapkan mampu memberikan kebaikan kepada mereka di dunia dan akhirat kerana hati merupakan pengawal utama bagi jasad manusia.<sup>17</sup> Selain itu, Abu Said al-Khudri RA dan sahabatnya juga pernah memberikan rawatan kesembuhan (*ruqyah*) buat salah seorang pemimpin kabilah non-Muslim yang sedang menderita kesakitan disebabkan sengatan kala jengking menerusi bacaan al-Fatihah. Mereka dihadiahkan dengan ganjaran 30 ekor kambing setelah berhasil menyembuhkan pemimpin tersebut. Sewaktu ditanyakan kepada Rasulullah SAW berhubung status perbuatan mereka tersebut, Baginda telah membenarkan tindakan sahabat ini menerusi kenyataannya yang mengiktiraf kedudukan al-Fatihah sebagai ayat penyembuh (*ruqyah*) serta mengizinkan mereka untuk menerima ganjaran tersebut sebagaimana yang dinyatakan menerusi hadis berikut:

Terjemahan : “Dari mana kau tahu, bahawa (al-Fatihah) itu penyembuh?, Terimalah kambingnya dan berilah aku bahagian daripadanya”.<sup>18</sup>

Hadis ini merupakan suatu bentuk pengakuan (*taqrīyyah*) daripada Rasulullah SAW bahawa tindakan mereka menyembuhkan individu non-Muslim menggunakan doa kesembuhan daripada ayat-ayat al-Quran adalah dibenarkan. Sekiranya tidak, sudah pasti Baginda tidak akan meminta bahagian daripada kambing tersebut. Kesembuhan daripada sebarang penderitaan penyakit juga merupakan sebahagian daripada perbaikan dalam urusan dunia.

Dalam masa yang sama, umat Islam juga dibenarkan untuk menjawab doa kesejahteraan yang dilafazkan oleh golongan non-Muslim dengan balasan yang sama. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan menerusi hadis yang berikut:

Terjemahan : “Jika seorang Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) mengucapkan salam kepada kalian, maka jawablah dengan ucapan: “Wa’alaykum” (dan ke atas kamu juga).<sup>19</sup>

Seorang sahabat bernama ’Uqbah bin Amir pernah bertembung dengan seorang lelaki yang kelihatan seperti seorang Muslim lalu individu tersebut mengucapkan salam kepadanya. Maka beliau pun membalias ucapan tersebut dengan lafaz salam yang penuh sehingga ditegur oleh seorang pelayan yang menjelaskan bahawa individu tersebut beragama Kristian. ’Uqbah lalu berusaha mengekor lelaki tersebut lalu berkata kepadanya:

Terjemahan : “Sesungguhnya rahmat dan barakah Allah itu hanya buat golongan Mukmin, namun (aku berdoa) semoga Allah memanjangkan usiamu serta memperbanyakkan harta dan anakmu.”<sup>20</sup>

<sup>17</sup> ’Abd al-Rahman bin ’Abd al-Rahim al-Mubarakfuri, *Tuhfah al-Ahwadhī Syarḥ Jāmi’ al-Tirmidhī* (’Ammān: Bayt al-Afkār al-Dawlīyyah, t.t), 2:2075.

<sup>18</sup> Hadis riwayat Tirmidhī, Kitāb al-Ṭibb, Bāb Mā Ja’ā fī Akhdhi al-‘Ajr alā al-Ta’widh, no. hadis : 2063. Lihat Muhammad bin ’Isa bin Ṣūrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 466. Hadis yang sama juga turut diriwayatkan oleh al-Bukhārī dengan lafaz yang sedikit berbeza dalam Kitāb al-Ijārah, Bāb Mā Yu’tā fī al-Ruqyah ‘alā Aḥyā’ al-‘Arab bi Fātiḥah al-Kitāb, no. hadis: 2276. Lihat Muhammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 544.

<sup>19</sup> Hadis riwayat Bukhārī, Kitāb al-Isti’dhān, Bāb Kayf al-Radd ‘alā Ahl al-Dhimmah bi al-Salām, no. hadis: 6258. Lihat Muhammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1562.

Selain itu, umat Islam juga diharuskan untuk merakamkan ucapan penghargaan buat golongan non-Muslim sewaktu sambutan hari perayaan mereka namun disyaratkan bahawa ucapan yang terbit itu tidak bertujuan meraikan serta meredai kekufuran mereka serta mengagungkan syiar agama mereka.<sup>21</sup> Sebaliknya jika ucapan tersebut mengandungi maksud pengiktirafan dan pengagungan, maka dalam konteks itu mereka yang melakukan perkara tersebut dikira tergelincir akidahnya.<sup>22</sup> Dalam hal ini, al-Nawawi hanya mengharuskan perbuatan mendoakan non-Muslim dengan ucapan kebaikan sekiranya mempunyai keperluan seperti pencegahan perbuatan buruknya atau menarik minatnya terhadap Islam. Namun sekiranya tidak wujud sebarang keperluan, maka adalah lebih utama untuk tidak mendoakan apa-apa buat mereka.<sup>23</sup>

Perbahasan yang terakhir adalah berkaitan keharusan doa permohonan keampunan buat individu non-Muslim yang masih hidup. Hal ini berdasarkan tindakan Rasulullah SAW yang pernah memohon penangguhan azab serta pemberian keampunan daripada Allah kepada kaum Musyrikin Makkah di atas kekerasan mereka sewaktu perang Uhud sehingga tergamac mencederakan tubuh badan Baginda yang mulia. Rasulullah SAW ternyata menyedari kemurkaan Allah yang begitu tinggi di atas insiden tersebut lalu terus mendoakan keselamatan buat golongan tersebut dengan lafadz yang berikut:

Terjemahan : “Ya Allah, Ampunilah kaumku kerana mereka sesungguhnya tidak mengetahui”.<sup>24</sup>

Al-Qurtubī dan al-Tabarī juga menyatakan keharusan yang sama berdasarkan tafsiran kepada firman Allah yang berikut:

Terjemahan: Tidak sepatutnya bagi Nabi dan orang-orang yang beriman memohonkan keampunan (daripada Allah) untuk orang-orang musyrik, walaupun orang-orang musyrik itu adalah kaum kerabatnya, sesudah jelas bagi mereka bahawa orang-orang musyrik tersebut adalah penghuni (neraka) Jahim.

(Surah al-Taubah 9:113)

Menurut mereka, larangan permohonan keampunan tersebut hanya berkuat kuasa selepas kematian golongan non-Muslim kerana ketika itulah kedudukan mereka telah ditentukan secara jelas sebagai penghuni neraka. Adapun semasa masih hidup, tiada seorang pun yang mampu menentukan pengakhiran kehidupan mana-mana individu sama ada mati dalam keimanan maupun kekufuran. Berdasarkan hujah tersebut, maka adalah dibolehkan bagi kaum Muslimin

<sup>20</sup> Hadis riwayat Bukhārī, Bāb Kayfa Yad’ū li al-Dhimmī, no. hadis: 847. Lihat Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, *Adab al-Mufrad* (Riyad: Maktabah al-Dalil, 1997), 1:430.

<sup>21</sup> Muhammad bin Ahmad bin Muhammad Alisy, *Fath al-‘Ali al-Malik fi al-Fatawa ‘ala Mazhab al-Imam al-Malik* (Beirut: Dar al-Ma’rifah, t.t), 2: 350.

<sup>22</sup> Muhammad bin Muhammad bin ‘Abd al-Rahman, *Mawahib al-Jalil fi Syarh Mukhtasar al-Khalil* (Jeddah: Dar al-Ridwan, 2010), 6: 289.

<sup>23</sup> Yaḥyā bin Syarf al-Nawawī, *al-Majmū’ Syarḥ al-Muhazzab* (Jeddah: Maktabah al-‘Irsyad, t.t), 4: 607-608.

<sup>24</sup> Hadis riwayat al-Tabrānī, Bāb al-Sīn, Man Ismuhi Sahl, no. hadis: 5556. Lihat Sulaymān bin Aḥmad al-Tabrānī, *al-Mu’jam al-Kabīr* (Qahirah: Maktabah Ibn Taimiyah, t.t), 7:215.

untuk mendoakan keampunan buat mana-mana individu yang non-Muslim.<sup>25</sup> Namun begitu, doa pengurniaan petunjuk kepada mereka adalah lebih diutamakan kerana hal tersebut lebih bermanfaat buat golongan tersebut di samping keampunan yang sempurna juga tidak akan diberikan kepada mereka disebabkan kekufturan tersebut. Hal ini sebagaimana pertanyaan Ā'isyah RA kepada Rasulullah SAW berhubung seorang lelaki Musyrik bernama Ibn Jud'ān yang terkenal dengan kemurahan hati serta kebaikannya dalam menghubungkan tali silaturahim. Lalu Baginda menyatakan bahawa kebaikannya itu tidak bermanfaat sedikit pun di akhirat kelak disebabkan kekufturannya kepada Allah.<sup>26</sup>

### Mendoakan Non-Muslim yang Telah Meninggal Dunia

Dalam persoalan mendoakan golongan non-Muslim yang meninggal dunia pula, para ulama secara sepakat telah mengharamkan doa permohonan keampunan dan kesejahteraan buat mereka sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Nawawi :

Terjemahan: Adapun menyembahyangkan orang kafir dan mendoakan agar diampuni dosanya, maka ini merupakan perbuatan haram berdasarkan nas al-Quran dan ijmak.<sup>27</sup>

Pengharaman ini antaranya berdasarkan perbuatan seorang lelaki Muslim yang sering mendoakan keampunan buat kedua orang tuanya yang telah meninggal dunia dalam keadaan mensyirikkan Allah. Tindakan lelaki ini disedari oleh 'Alī bin Abī Ṭālib RA lalu beliau telah menegur lelaki tersebut agar meninggalkan perbuatannya itu. Namun begitu, lelaki itu telah membala teguran tersebut dengan mendatangkan hujah perbuatan Ibrahim AS yang mendoakan keampunan buat ayahnya sebagai justifikasi bagi tindakannya.<sup>28</sup> 'Alī lalu pergi bertemu dengan Rasulullah SAW bagi bertanyakan hal tersebut lalu Allah menurunkan ayat yang berikut :

Terjemahan: Dan permintaan ampun dari Ibrahim untuk bapanya tidak lain hanyalah disebabkan suatu janji yang telah dikatakannya kepada bapanya itu. Namun, tatkala jelas bagi Ibrahim bahawa bapanya itu adalah musuh Allah, maka Ibrahim berlepas diri dari padanya. Sesungguhnya Ibrahim adalah seorang yang sangat lembut hatinya lagi penyantun.

(Surah al-Taubah 9:114)

<sup>25</sup> Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Ay al-Qur'an* (Qahirah: Maktabah Ibn Taimiah, t.t), 12:26-28. Lihat juga Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'an* (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 2006), 10:400.

<sup>26</sup> Hadis riwayat Muslim, *Kitāb al-Imān*, Bāb al-Dalīl 'alā 'anna Man Māta 'alā al-Kufr Lā Yantafa'a 'amal, no. hadis: 365. Lihat Muslim bin Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim*, 196.

<sup>27</sup> Yaḥyā bin Syarf al-Nawawī, *al-Majmū' Syarḥ al-Muhazzab*, 5:120.

<sup>28</sup> Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'an*, 10:400

Perkara yang sama juga berlaku kepada Rasulullah SAW yang begitu terkesan atas kematian bapa saudara yang dicintainya, Abu Talib atas landasan kekufturan. Maka, Baginda berusaha memohon keampunan daripada Allah buat bapa saudaranya<sup>29</sup> itu sehingga ditegur oleh Allah menerusi firman-Nya :

Terjemahan: Tidak sepatutnya bagi Nabi dan orang-orang yang beriman, memintakan ampun (kepada Allah) untuk orang-orang musyrik, walaupun orang-orang musyrik itu adalah kaum kerabatnya, sesudah jelas bagi mereka bahawa orang-orang musyrik itu adalah penghuni (neraka) Jahim.

Surah al-Taubah 9:113

Namun begitu, disebabkan kemuliaan kedudukan Rasulullah SAW, Abu Talib telah diberikan keringinan dalam urusan seksaan di neraka sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis yang berikut:

Terjemahan: Seringan-ringan seksaan bagi ahli neraka adalah seksaan Abu Talib. Dia dipakaikan dengan dua sepatu neraka sehingga mengelegak otaknya.<sup>30</sup>

Ibn Ḥajar al-Haithamī dalam membahaskan persoalan doa keampunan buat golongan non-Muslim yang telah meninggal dunia ini telah menyatakan:

Terjemahan: Dan haram hukumnya berdoa urusan berkaitan akhirat bagi orang non-Muslim. Begitu juga bagi mereka yang diragui status kelslamannya walaupun mereka itu adalah ibu dan bapanya.<sup>31</sup>

Maka, berdasarkan dalil-dalil yang dinyatakan, jelas kepada kita larangan untuk mendoakan atau mengungkapkan ucapan berbentuk keampunan kepada mana-mana individu yang mati di dalam kekufturan. Hal ini kerana mereka telah disediakan balasan yang selayaknya daripada Allah atas dosa yang mereka lakukan.

Selain daripada larangan ucapan doa keampunan terhadap golongan non-Muslim yang telah meninggal dunia, umat Islam juga ditegah daripada mendoakan ketenangan dan kesejahteraan buat roh mereka di alam barzakh. Antara ucapan yang sering diungkapkan oleh sebahagian Muslim sewaktu menggambarkan perasaan sedih dan simpati mereka adalah ‘Rest in Peace’ (RIP) dan ‘God Bless You’ (GBY). RIP adalah ucapan doa yang sering digunakan oleh golongan Kristian Katolik sejak abad ke-18 kepada pengikutnya yang meninggal dunia. Istilah tersebut merupakan ringkasan daripada teks doa ‘May his soul and the souls of all the departed faithful by God’s mercy rest in peace’ atau ucapan asalnya dalam bahasa Latin iaitu ‘Anima eius et

<sup>29</sup> Kisah ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī, Kitāb al-Janā’iz, Bāb Idhā Qal al-Musyrik ‘inda al-Maut Lā Ilaha illa Allah, no. hadis: 1360. Lihat Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 328.

<sup>30</sup> Hadis riwayat Muslim, Kitāb al-Imān, Bāb Ahwan Ahl al-Nār Azāban, no. hadis :361. Lihat Muslim bin Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1991), 195.

<sup>31</sup> ‘Umar bin ‘Alī bin Aḥmad al-Anṣārī ibn Mulaqqin, *Tuhfah al-Muḥtāj ilā Adillah al-Minhāj* (Makkah: Dār Hira, 1987), 3:141.

*animae omnium fidelium defunctorum per Dei misericordiam requiescant in pace'.<sup>32</sup>* Ucapan ini adalah manifestasi permohonan kepada Tuhan supaya roh si mati sentiasa dirahmati dan diberikan kesejahteraan sepanjang berada di alam sana. Kebiasaannya golongan Kristian turut melakar ucapan tersebut pada batu penanda yang diletakkan di perkuburan penganutnya. Berdasarkan fakta tersebut, ternyata perbuatan mengucapkan RIP kepada non-Muslim yang meninggal dunia sebenarnya mengandungi unsur *tasyabuh* yang ditegah oleh Islam. Selain itu, ucapan tersebut juga bersalah dengan teks al-Quran yang menjelaskan kedudukan non-Muslim yang mati dalam kekufuran sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat berikut:

Sesungguhnya orang-orang yang ingkar kepada ayat-ayat Kami nescaya Kami masukkan mereka (ke dalam) api neraka, setiap kali terbakar kulit-kulit mereka Kami ganti mereka (dengan) kulit-kulit lainnya supaya mereka (terus-menerus) merasakan seksaan, sesungguhnya Allah adalah Maha Perkasa, Maha Bijaksana.  
(Surah al-Nisaa' 4: 56)

Konteks ayat tersebut memperlihatkan seksaan yang disediakan buat golongan non-Muslim yang berterusan dalam kekufuran mereka sehingga meninggal dunia di mana mereka akan kekal berada dalam neraka untuk selama-lamanya ditemani dengan pelbagai seksaan mengerikan secara berterusan tanpa henti.<sup>33</sup> Maka, tindakan sebahagian umat Islam yang mendoakan keamanan, ketenangan dan kesejahteraan buat mereka ini dilihat bercanggah dengan balasan yang telah pun disediakan oleh Allah di akhirat kelak.

#### Parameter (*Dawabit*) Syarak Dalam Doa Terhadap Non-Muslim

Interaksi yang wujud antara golongan Muslim dan non-Muslim di Malaysia sememangnya mencerminkan semangat toleransi dan persefahaman yang telah terbina sejak sekian lama. Meskipun Islam merupakan agama yang meraikan hak dan kebebasan golongan berbeza agama, namun dalam masa prinsip akidah selaku tunjang jati diri sebagai seorang Muslim tetap perlu diberikan keutamaan. Berdasarkan perbahasan yang dikemukakan, ucapan doa terhadap golongan non-Muslim secara umumnya dibenarkan dalam Islam namun perlu mematuhi prinsip-prinsip (*dawabit*) yang telah ditetapkan oleh Islam iaitu:

1. Ucapan doa yang dilakukan perlulah terbit daripada hati yang ikhlas dan mengharapkan keredaan Allah bukannya disebabkan kepentingan tertentu. Hal ini kerana niat turut memainkan peranan dalam memastikan kemustajaban doa kepada Allah sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis berikut:

Terjemahan : Sesungguhnya setiap perbuatan bergantung pada niat dan sesungguhnya setiap orang (akan dibalas) berdasarkan apa yang dia niatkan.<sup>34</sup>

<sup>32</sup> Bernama, "Umat Islam Tak Digalak Ucap 'Rest in Peace'", laman sesawang *Sinar Harian Online*, diakses pada 05 November 2016, <http://www.sinarharian.com.my/nasional/umat-islam-tak-digalak-ucap-rest-in-peace-1.274222>

<sup>33</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Tafsīr al-Munīr fi al-‘Aqīdah wa al-Syarī‘ah wa al-Manhaj* (Damsyiq: Dar al-Fikr, 2009), 3:124

<sup>34</sup> Hadis riwayat al-Bukhārī, Kitāb Bad’ al-Wahy, Bāb Kayfa Kana Bad’ al-Wahy ila Rasulillah, no. hadis : 1. Lihat Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, *Saḥīḥ al-Bukhārī*, 7.

2. Ucapan doa yang dilakukan perlu disesuaikan dengan keadaan dan keperluan semasa. Doa permohonan petunjuk wajar diucapkan dalam situasi yang memerlukan sokongan yang utuh daripada individu tertentu yang berpotensi untuk mengukuhkan Islam atau meminimumkan ancaman dan serangan mereka terhadap Islam. Hal ini sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW yang mendoakan agar Allah memilih salah satu daripada dua ‘Umar (‘Umar bin al-Khattab dan ‘Amr bin Hisyam) untuk mengukuhkan Islam.<sup>35</sup> Begitu juga dengan doa Rasulullah SAW yang diucapkan terhadap golongan Yahudi yang gemar memperolok-lokkan serta mengancam Baginda dan umat Islam agar mereka berhenti daripada perlakuan tersebut.<sup>36</sup> Selain itu, diharuskan juga mendoakan petunjuk atau kebaikan dalam urusan dunia buat individu atau golongan tertentu disebabkan perasaan kasih sayang yang terbina berdasarkan hubungan kekerabatan atau persahabatan. Rasulullah SAW tetap memerintahkan Asma’ binti Abu Bakar RA agar meneruskan bakti terhadap ibunya yang musyrik selagi mana tidak melanggar batasan syarak<sup>37</sup> dan di antara kebaktian tersebut adalah mendoakan kebaikan dan kemudahan dalam pelbagai perkara melibatkan urusan rezeki, kesihatan, keberkatan umur dan seumpamanya.
3. Ucapan doa tersebut berada dalam kerangka yang diharuskan syarak dan bukannya menyalahi prinsip-prinsip umum berdasarkan al-Quran, al-Sunnah dan ijmak ulama. Maka dalam konteks semasa, ucapan doa agar roh individu non-Muslim diberikan keampunan dan ketenangan di alam barzakh adalah dilarang kerana bertentangan dengan situasi sebenar mereka sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Quran. Namun begitu, umat Islam boleh menggantikan istilah tersebut dengan ucapan lain yang lebih sesuai seperti ‘takziah atas kehilangan’ atau ‘semoga bersabar atau ujian ini’ bagi menggambarkan perasaan simpati dan sedih kepada mereka.
4. Amalan berdoa yang dilakukan tidak mengandungi unsur-unsur penyerupaan (*tasyabhu*) dengan amalan agama lain sama ada dalam bentuk ucapan maupun perbuatan. Doa merupakan salah satu daripada amalan yang berorientasikan ibadah bagi umat Islam dan seharusnya bebas daripada segala unsur yang menyerupai tradisi khusus bagi penganut agama lain kerana ia berpotensi menjerumuskan mereka kepada elemen tasyabhu yang dilarang oleh Islam.<sup>38</sup> Oleh itu, amalan sebahagian umat Islam yang menyertai upacara ‘*candle light vigil*’ iaitu himpunan solidariti sambil menyalakan lilin bagi tujuan tertentu adalah dilarang oleh Islam. Hal ini sebagaimana yang ditegaskan menerusi keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali Ke-88 itu yang bersidang pada 2 Oktober 2009 yang memutuskan bahawa umat Islam dilarang daripada terlibat dengan segala ritual

<sup>35</sup> Mafhum hadis riwayat Tirmidhi, Kitāb al-Manāqib, Bab fi Manāqib Abī Hafs ‘Umar bin al-Khattāb Rādiyallahu ‘Anhu, no. hadith: 3681. Lihat Muḥammad bin ‘Isā bin Ṣūrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 835.

<sup>36</sup> Mafhum hadis riwayat Tirmidhī, Kitāb al-Adab, Bāb Mā Jā’ā Kayfa Tasymīt al-‘Aṭīs, no. hadis: 2739. Lihat Muḥammad bin ‘Isā bin Ṣūrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, 616.

<sup>37</sup> Mafhum hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-Hibah wa Faḍluha, Bab al-Hidāyah li al-Musyrikīn, no. hadis: 2620. Lihat Muhammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 234

<sup>38</sup> Khairul Azhar Meerangani, “Pengaruh Elemen Tasyabhu dalam Interaksi Antara Agama di Malaysia Menurut Perspektif Islam”, (Makalah, Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah dan Agama 2017 (SIGMA 7), Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM, 25 Oktober 2017).

dan upacara yang mengandungi unsur penyerupaan dengan penganut agama bukan Islam kerana ia berpotensi menjelaskan akidah umat Islam itu sendiri.<sup>39</sup>

5. Situasi doa yang diucapkan perlulah dipastikan aman daripada fitnah. Dalam isu selitan doa kepada pemimpin non-Muslim sewaktu khutbah Jumaat, meskipun ia termasuk dalam kerangka keharusan namun suasana doa tersebut berpotensi mengundang fitnah dan kekeliruan terutamanya dalam kalangan umat Islam. Maka, ungkapan doa tersebut sewajarnya dilakukan pada masa yang lebih sesuai seperti majlis keramaian mahupun upacara rasmi kerajaan negeri yang berkaitan. Dalam hal ini, berusaha untuk mengelakkan fitnah yang nyata (*mafsadah rajihah*) adalah lebih utama daripada mencapai matlamat yang samar-samar (*maslahah marjuhah*).<sup>40</sup> Al-Ghazali dalam salah satu daripada nasihatnya pernah menyatakan :

Terjemahan: Hendaklah seseorang itu bertakwa (menjaga dirinya) pada tempat-tempat yang boleh menimbulkan tohmahan bagi memelihara hati manusia daripada berburuk sangka dan lidah mereka daripada menyebut perkara yang mengaibkan. Ini kerana sekiranya dengan ucapan tersebut menyebabkan mereka bermaksiat kepada Allah maka orang yang menyebabkan juga adalah bersekutu melakukan dosa tersebut.<sup>41</sup>

## Kesimpulan

Islam telah menggariskan pelbagai panduan dalam memastikan hubungan yang terbina antara golongan Muslim dan non-Muslim berjalan dalam kerangka yang diharuskan syarak. Interaksi yang wujud antara masyarakat Muslim dan non-Muslim di Malaysia sememangnya unik kerana ia telah berlangsung sejak sekian lama secara harmoni ditunjangi oleh semangat persefahaman yang jitu antara mereka. Namun begitu, hubungan ini tetap perlu mendapat penilaian dan pemantauan dalam aspek hukum Islam bagi mengelakkan mana-mana umat Islam daripada terjerumus dan tergelincir akidahnya disebabkan oleh perkara-perkara tertentu yang berlaku tanpa disedari oleh mereka. Dalam isu mendoakan non-Muslim, Islam sememangnya meraikan sebarang usaha baik yang dilakukan terhadap golongan non-Muslim bagi merealisasikan hubungan berteraskan nilai kemanusiaan. Walau bagaimanapun, disebabkan persoalan doa merupakan antara perkara yang bersangkutan dengan prinsip akidah umat Islam, maka ia perlu mematuhi panduan yang ditetapkan dalam memastikan segala perbuatan berdoa yang dilaksanakan berada dalam lingkungan keharusan syarak.

## Rujukan

- Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad Aḥmad* (Riyāḍ: Bait al-Afkār al-Dawliah, 1998).
- al-Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar, *Fath al-Bārī* (Riyāḍ: Maktabah al-Malik Fahd al-Watṭīyyah, 2001).

<sup>39</sup> Mohamad Razif Mohamad Fuad, "Al-Kafi #689: Berkabung Atas Kematian Artis KOREA", laman sesawang *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*, diakses pada 30 Disember 2016, <http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/al-kafili-al-fatawi/1863-al-kafi-689-berkabung-atas-kematian-artis-korea>

<sup>40</sup> Ridzwan Ahmad, "Metode Pentarjihan Maslahah dan Mafsadah dalam Hukum Islam Semasa", *Jurnal Syariah* 16/1 (2008): 122.

<sup>41</sup> Muhammad bin Muhammad al-Ghazali, *Ihya Ulum al-Din* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2005), 2:201

- al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *Adab al-Mufrad* (Riyad: Maktabah al-Dalil, 1997).
- al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dar Ibnu Kathir, 2002), 317.
- al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2005).
- al-Maraghi, Ahmad Mustafa, *Tafsir al-Maraghi* (Qahirah: Maktabah wa Matba’ah Mustafa, 1946).
- al-Mubārakfūrī, ‘Abd al-Rahmān bin ‘Abd al-Rahīm, *Tuhfah al-Ahwadhī Syarḥ Jāmi’ al-Tirmidhī* (‘Ammān: Bayt al-Afkār al-Dawliyyah, t.t.).
- al-Nawawī, Yaḥyā bin Syarf, *al-Majmū’ Syarḥ al-Muhazzab* (Jaddah: Maktabah al-‘Irsyad, t.t.).
- al-Qurṭubī, Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr, *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān* (Beirut: Mu’assasah al-Risalah, 2006).
- al-Ṭabarī, Muḥammad bin Jarīr, *Jāmi’ al-Bayān ‘an Ta’wīl Ay al-Qur’ān* (Qahirah: Maktabah Ibn Taimiah, t.t.).
- al-Ṭabrānī, Sulaymān bin Aḥmad, *al-Mu’jam al-Kabīr* (Qahirah: Maktabah Ibn Taimiyah, t.t.).
- al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Isā bin Ṣūrah, *Sunan al-Tirmidhī* (Riyād: Maktabah al-Ma’ārif, t.t.).
- Aunur Rafiq, “Perdamaian Menurut Perspektif al-Quran: Analisis Tentang Hubungannya dengan Piagam Madinah”, (Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009).
- Ibn Kathīr, Ismā’īl bin ‘Umar, *Tafsir al-Qur’ān al-Āzīm* (Riyād: Dār al-Ṭayyibah, 1997).
- Ibn Mulaqqin, ‘Umar bin ‘Alī bin Aḥmad al-Anṣārī, *Tuhfah al-Muhtāj ilā Adillah al-Minhāj* (Makkah: Dār Hira, 1987).
- Khairul Azhar Meerangani, “Isu Semasa Terhadap Hubungan Sosial dengan Non Muslim di Malaysia daripada Perspektif Hukum Islam”, (Tesis Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2016).
- Muhammad bin Ahmad bin Muhammad Alisy, *Fath al-‘Ali al-Malik fi al-Fatawa ‘ala Mazhab al-Imam al-Malik* (Beirut: Dar al-Ma’rifah, t.t.).
- Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Rahman, *Mawahib al-Jalil fi Syarḥ Mukhtasar al-Khalil* (Jaddah: Dar al-Ridwan, 2010).
- Muslim bin Ḥajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1991).
- Nur Farhana Abdul Rahman, “Pemahaman Konsep Tauhid Asas Keharmonian Kepelbagaian Agama” *International Journal of Islamic Thought*, 1 (2012).
- Rāghib al-Sirjānī, *Fann al-Ta’āmul al-Nabawī Ma’ā Ghayr al-Muslimīn*, (Qahirah: Dār Aqlam, 2010).
- Ridzwan Ahmad, “Metode Pentarjihan Maslahah dan Mafsadah dalam Hukum Islam Semasa”, *Jurnal Syariah* 16/1 (2008).
- Wahbah al-Zuhaylī, *Tafsīr al-Munīr fi al-‘Aqīdah wa al-Syarī’ah wa al-Manhaj* (Damsyiq: Dar al-Fikr, 2009).
- Ana Ghoib, “Islam Tidak Galak Umatnya Ucap ‘Rest in Peace’, Mati Kufur Tiada Keampunan”, laman sesawang *Malaysian Review*, diakses pada 25 Oktober 2016,

<https://www.malaysianreview.com/49507/islam-tidak-galak-umatnya-ucap-rest-peace-mati-kufur-tiada-keampunan/>

Azhari Zainoeddin, "Doa Naikkan Imej Guan Eng", laman sesawang *Utusan Online*, diakses pada 27 Oktober 2016,  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/politik/20130705/po\\_06/Doa\\_naikkan\\_imej\\_Guan-Eng](http://ww1.utusan.com.my/utusan/politik/20130705/po_06/Doa_naikkan_imej_Guan-Eng).

Bernama, "Umat Islam Tak Digalak Ucap 'Rest in Peace'", laman sesawang *Sinar Harian Online*, diakses pada 05 November 2016, <http://www.sinarharian.com.my/nasional/umat-islam-tak-digalak-ucap-rest-in-peace-1.274222>

Syukri Syaari, "Karpal Singh Maut Kemalangan", laman sesawang *Utusan Online*, diakses pada 25 Oktober 2016,  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20140417/dn\\_25/Karpal-Sing-maut-kemalangan](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140417/dn_25/Karpal-Sing-maut-kemalangan)